

13 SEP 1999
APEC-MESYUARAT
MESYUARAT PEMIMPIN APEC BERMULA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

AUCKLAND, 13 Sept (Bernama) -- Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) bermula hari ini dengan para pemimpin dijangka menguatkan komitmen mereka hendak mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan serantau.

Ketibaan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi disambut oleh tuan rumah tahun ini, Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley di Museum Auckland yang terletak di puncak bukit.

Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat Apec tahun lepas.

Abdullah yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berpakaian tidak formal seperti pemimpin lain dengan jaket penahan angin berwarna hitam yang sesuai bagi cuaca sejuk berhujan hari ini.

Beliau mengadakan beberapa rundingan dua hala semasa di sini dan menghadiri dialog pemimpin Apec dengan Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) dan juga jamuan tengah hari dengan pemimpin-pemimpin Asean.

Apec terdiri dari 21 ekonomi dari lingkaran Pasifik termasuk Brunei dan Vietnam hingga ke kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, China, Jepun dan Russia.

Anggota Apec menyumbang kepada kira-kira separuh ekonomi dunia, separuh daripada jumlah perdagangan antarabangsa dan separuh daripada jumlah penduduk dunia.

Mesyuarat tahunan pemimpin ini telah menjadi sidang kemuncak utama dalam agenda antarabangsa.

Sebanyak 4,000 delegasi dan lebih 2000 wartawan berkumpul di bandaraya ini, menjadikan mesyuarat pemimpin ini persidangan yang paling penting yang pernah diadakan di New Zealand yang dikenali kerana budaya Maorinya.

Selepas rundingan sepanjang hari, Shipley dijangka akan membaca Deklarasi Auckland, di mana antaranya akan menyentuh keperihatinan Malaysia terhadap perubahan kerangka kewangan antarabangsa.

Presiden Amerika Bill Clinton semasa berucap di sidang kemuncak ketua pegawai eksekutif yang diadakan serentak dengan mesyuarat Apec semalam, untuk pertama kalinya berkata "adalah menjadi satu kesilapan jika kerangka kewangan tidak diubah."

Ini jelas mencerminkan pendirian konsisten Malaysia supaya sistem kewangan global diubah, jika tidak ekonomi-ekonomi membangun akan terus menjadi mangsa spekulator matawang yang tidak berperikemanusiaan.

Serangan-serangan mereka terhadap matawang-matawang Asia yang bermula dengan baht Thailand pada Julai 1997 diikuti dengan krisis kewangan yang belum pernah berlaku, yang kemudiannya menyebabkan beberapa ekonomi termasuk ekonomi Malaysia terjerumus ke dalam kemelesetan.

Menyedai kesan-kesan negatif krisis ini, Clinton berkata kemajuan usaha mengenai mekanisme seperti menerusi Forum Penstabilan Kewangan agar perubahan dapat diadakan untuk menstabilkan sistem kewangan.

Sambil menyambut baik kenyataan pemimpin Amerika itu, Abdullah berkata terdapat perubahan ketara dalam ulasan Clinton mengenai perkara itu, dan berharap lebih ramai lagi pemimpin negara-negara maju akan membincangkan perkara itu.

Tuan rumah mesyuarat Apec tahun depan adalah Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Brunei.

Mesyuarat peringkat menteri akan diadakan pada 12-13 November dan sidang kemuncak itu pula pada 15-16 November. --BERNAMA

MR JR

